



Submission date: 02/05/2023 Accepted date: 24/08/2023 Published date: 30/09/2023
DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.528>

KEMUNGKARAN AKIDAH DI MALAYSIA DAN PERANAN INSTITUSI *HISBAH* DALAM MENANGANINYA

Aqidah Deviation in Malaysia and The Role of Hisbah Institutions As The Supervision Tool

Nor Amalina Abd Rahman @ Sabri^{al} & Wan Hishamudin Wan Jusoh^{a2}

^aFakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala
Nerus, 21300 Terengganu, Malaysia

¹amalina.unisza@gmail.com (corresponding author)

²whishamudin@unisza.edu.my

Abstrak

Islam merupakan agama bagi persekutuan di Malaysia. Penetapan ini menjadikan perintah-perintah Islam dapat dilaksanakan di Malaysia, termasuklah perintah amar makruf nahi mungkar. Perintah ini dilaksanakan melalui institusi *hisbah* yang bertindak sebagai pihak berkuasa. Namun begitu, masih terdapat kemungkaran yang perlu dikawal agar tidak menular dalam kalangan masyarakat. Salah satu kemungkaran yang menjadi perhatian ialah kemungkaran akidah. Kemungkaran jenis ini mampu menggugat pegangan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) di Malaysia. Institusi *hisbah* telah mengambil beberapa inisiatif bagi membendung kemungkaran jenis ini. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi menghuraikan kemungkaran akidah di Malaysia serta menjelaskan peranan institusi *hisbah* dalam menangani kemungkaran akidah di Malaysia seperti ajaran sesat, pemikiran menyeleweng dan murtad. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi untuk pengumpulan data dan kaedah analisis kandungan untuk analisis data. Hasil kajian ini mendapati bahawa tindakan yang dilakukan oleh institusi *hisbah* ialah melakukan kajian, memberi penerangan, mengeluarkan fatwa, menapis maklumat untuk masyarakat serta memantau kemungkaran akidah. Usaha dan tindakan institusi *hisbah* ini menjadikan kemungkaran akidah yang berlaku di Malaysia dapat dikawal dengan baik dan akidah ASWJ dapat dipegang dengan teguh oleh umat Islam di Malaysia.

Kata kunci: kemungkaran akidah, amar makruf nahi mungkar, institusi *hisbah*.

Abstract

Islam is the religion of the constitution in Malaysia. This stipulation makes Islamic orders to be implemented in Malaysia, including the order of commanding right forbidding wrong. It is enforced through *hisbah* institutions that act as authorities. However, the existence of never-ending deviations need to be controlled to prevent them from further spreading. One of the most concern is the aqidah deviation. This deviation could undermine the belief of *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) in Malaysia. *Hisbah* institutions have take several initiatives to curb aqidah deviation. Therefore, this study is carried out to explain the aqidah deviation in Malaysia and clarify the role of *hisbah* institutions in dealing with the aqidah deviation in Malaysia such as religious cult, misappropriation thought, and apostasy. This study uses documentation method for data collection and content analysis method for data analysis. This study found that *hisbah* institutions actions are conducting research, providing information, issuing fatwa, filtering information for community and monitoring aqidah deviation. The efforts and actions of *hisbah* institutions make the aqidah deviation that occurs in Malaysia well controlled and Muslims in Malaysia can firmly hold the faith of ASWJ.

Keywords: aqidah deviation, commanding right forbidding wrong, *hisbah* institution.

PENDAHULUAN

Islam berdasarkan kefahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) merupakan garis panduan bagi Malaysia dalam menjalankan seluruh institusi kenegaraan, termasuk juga institusi *hisbah* yang melaksanakan amar makruf nahi mungkar (AMNM). Tindakan dan usaha institusi *hisbah* akan menentukan kejayaan atau kejatuhan pelaksanaan AMNM bagi menangani kemungkaran yang berlaku di Malaysia. Antara kemungkaran yang boleh menjejaskan imej agama Islam di Malaysia ialah kemungkaran akidah.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi menjelaskan kedudukan institusi *hisbah* selaku pihak berkuasa dalam menangani kemungkaran akidah di Malaysia. Matlamat dan objektif kajian ini direalisasikan dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan melihat kepada dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tema institusi *hisbah* dan kemungkaran akidah di Malaysia. Seterusnya data-data yang berkaitan dianalisis dan dijelaskan selari dengan objektif kajian.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kemungkaran merupakan perkara yang sering berlaku di serata dunia. Kemungkaran dalam Islam dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kemungkaran akidah, syariat dan akhlak. Walaupun begitu, kemungkaran akidah dilihat sebagai kemungkaran yang

paling utama perlu ditangani kerana melibatkan asas pegangan dalam beragama. Maka Islam meletakkan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar (AMNM) sebagai satu perkara wajib yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam dalam menangani kemungkaran, termasuk juga kemungkaran akidah (Sulong, 2016).

AMNM menjadi panduan utama bagi negara Islam. Maka Malaysia sebagai negara Islam turut berusaha melaksanakan AMNM dapat membangunkan sebuah negara yang sejahtera. Pelaksanaan AMNM di Malaysia dapat dilihat melalui penubuhan institusi *hisbah*. Institusi ini bertindak sebagai badan penguatkuasa yang melaksanakan amar makruf nahi mungkar (Ibrahim, 2015). Penubuhan institusi ini menunjukkan bahawa Malaysia komited dalam menangani segala bentuk kemungkaran, termasuk juga kemungkaran akidah yang berlaku dalam kalangan umat Islam.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memberi penjelasan mengenai kemungkaran akidah yang berlaku di Malaysia serta penglibatan institusi *hisbah* dalam menyelesaikan permasalahan kemungkaran tersebut. Penjelasan mengenai kemungkaran akidah serta institusi *hisbah* di Malaysia ini penting bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai bentuk kemungkaran yang mampu menjejaskan pegangan akidah Islam serta menonjolkan keistimewaan Malaysia sebagai negara Islam yang menubuhkan institusi *hisbah* bagi menangani kemungkaran tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat utama kajian ini dilakukan adalah untuk menunjukkan keistimewaan Malaysia sebagai negara Islam. Status Malaysia sebagai negara Islam ini menjadikannya berupaya untuk melaksanakan amar makruf nahi mungkar (AMNM) sebagaimana yang terkandung dalam perintah Allah SWT. AMNM di negara Islam dilaksanakan secara bersistematik, iaitu melalui penubuhan institusi *hisbah* dengan fungsi yang pelbagai. Selain daripada menyeru kepada kebaikan, institusi ini juga berfungsi untuk menangani segala bentuk kemungkaran, termasuk juga kemungkaran akidah melalui. Oleh itu, kajian ini menyetengahkan dua objektif agar dapatan kajian selari dengan matlamat kajian. Pertama, menghuraikan kemungkaran akidah di Malaysia. Kedua, menjelaskan peranan institusi *hisbah* dalam menangani kemungkaran akidah.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur kajian dilakukan bagi membina asas kajian. Kajian ini membahagikan sorotan literatur kepada tiga tema agar lebih tersusun dan seterusnya menghasilkan dapatan kajian yang selari dengan objektif kajian. Antara tema sorotan

literatur kajian ini ialah amar makruf nahi mungkar di Malaysia, jenis kemungkaran dan kemungkaran akidah di Malaysia.

Institusi *Hisbah* di Malaysia

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama bagi persekutuan (Lembaga Penyelidikan Undang-undang, 2013). Kenyataan ini membolehkan hukum dan syariat Islam dilaksanakan di Malaysia. Antara syariat Islam yang menjadi suatu kewajipan ialah pelaksanaan amar makruf nahi mungkar (AMNM). AMNM ini akan terlaksana apabila umat Islam menyeru kepada kebaikan serta meninggalkan perkara yang mungkar menurut syariat Islam (al-Zuhayli, 2002) dan akal (al-Jaylani, 1996). Walaupun negara semakin membangun dan teknologi semakin maju, amar makruf nahi mungkar tetap dilaksanakan di Malaysia menerusi penubuhan institusi *hisbah*.

Institusi *hisbah* merupakan institusi yang melaksanakan amar makruf nahi mungkar (Ibrahim, 2014) secara menyeluruh dalam setiap lapisan masyarakat di seluruh negara (Abu Bakar et al., 2017). Institusi ini berfungsi untuk menjaga hak Allah SWT melalui aspek ibadat kepada-Nya, hak manusia berkaitan dengan hubungan sesama manusia dan juga hak makhluk lain yang melibatkan aspek ihsan terhadap makhluk lain (Azhar & Badaruzaman, 2018). Dalam erti kata yang lain, institusi *hisbah* merupakan institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan sesebuah negara Islam seperti Malaysia dan bertanggungjawab dalam memastikan AMNM dilaksanakan dengan berkesan bagi menjaga hak Allah SWT, hak sesama manusia dan hak sesama makhluk.

Pelaksanaan AMNM oleh institusi *hisbah* ini perlu dibahagikan kepada beberapa aspek agar dapat mencapai tahap pelaksanaan yang maksimum. Antara aspek yang diutamakan dalam penubuhan institusi ini ialah aspek perundangan dan keselamatan sosial, perancangan strategik dan perbandaran, perbankan dan kewangan serta keagamaan (Ibrahim, 2015). Pertama, aspek perundangan dan keselamatan sosial. Aspek ini perlu dijaga dari sudut keamanan, ketenteraman serta kemakmuran masyarakat di Malaysia. Contoh institusi yang terlibat dalam aspek ini ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM). Visi PDRM ialah menjadi peneraju keselamatan bagi mengekalkan keselamatan dan keamanan Malaysia. Berdasarkan visi ini, PDRM berfungsi untuk menjaga keselamatan awam dan melaksanakan tugas seperti menangkap pelaku kesalahan, mendakwa pesalah, mengeluarkan saman, melindungi nyawa orang ramai, melindungi harta benda awam, memberi bantuan keselamatan serta menjaga lalu lintas di kawasan awam (Polis Diraja Malaysia, t.t.).

Kedua, aspek perancangan strategik dan perbandaran. Salah satu institusi *hisbah* yang mewakili aspek ini ialah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). JPBD berfungsi dalam tiga peringkat, iaitu peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

Pada peringkat persekutuan, JPBD memberi nasihat kepada kerajaan persekutuan berkenaan hal perancangan bandar dan desa negeri, menjadi urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) serta mengurus hal berkaitan sistem, dasar, maklumat dan pangkalan data yang melibatkan perancangan bandar dan desa negara. Pada peringkat negeri, JPBD memberi nasihat kepada kerajaan negeri berkaitan dengan perancangan bandar dan desa negeri, menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) serta mengurus hal berkaitan projek pembangunan, projek khas, kajian, maklumat dan juga pangkalan data yang melibatkan perancangan bandar dan desa negeri (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, t.t.). Pada peringkat tempatan, JPBD terlibat dalam perancangan penggunaan tanah dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT), pengendalian maklumat berkaitan perancangan bandar dan desa serta pelaksanaan tugas yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, t.t.).

Ketiga, aspek perbankan dan kewangan. Contoh bagi aspek ini ialah penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM). MPS yang ditubuhkan pada tahun 1997 ini berfungsi dalam menentukan Undang-undang Syariah berkaitan dengan isu-isu kewangan, mengeluarkan keputusan bagi sesuatu produk bank yang dirujuk kepadanya serta memberi nasihat kepada bank berkaitan dengan isu syariah seperti perdagangan kewangan Islam, aktiviti bank dan transaksi bank. MPS turut memberi nasihat kepada mana-mana institusi kewangan Islam atau individu berkenaan dengan undang-undang yang tertulis serta menjalankan fungsi-fungsi lain yang ditentukan oleh pihak bank (Bank Negara Malaysia, t.t.).

Keempat, aspek keagamaan. Aspek ini dijaga oleh institusi *hisbah* seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). JAIN dan MAIN berfungsi untuk memberi pendidikan dan dakwah, menguatkuasakan Undang-undang Hal Ehwal Islam, membangunkan institusi Islam, menjalankan kajian berkaitan dengan agama Islam, membangunkan ekonomi umat Islam serta menjaga kesejahteraan dan kebajikan umat Islam (Jabatan Agama Islam Selangor, t.t.; Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, t.t.; Majlis Agama Islam Negeri Johor, t.t.; Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, t.t.).

Justeru, institusi *hisbah* yang merangkumi pelbagai aspek ini bertanggungjawab dalam melaksanakan AMNM, menjaga kesejahteraan negara serta menjaga kedudukan agama Islam di Malaysia. Namun begitu, bagi memastikan pelaksanaan AMNM berkesan dalam setiap lapisan masyarakat serta kemungkaran dapat diatasi dengan baik, bentuk kemungkaran perlu dikesan terlebih dahulu mengikut pembahagian yang tertentu.

Kemungkaran Akidah di Malaysia

Islam terdiri daripada tiga perkara penting, iaitu akidah, syariat dan akhlak. Akidah bermaksud kepercayaan dan keyakinan yang jitu terhadap sesuatu perkara. Akidah Islam pula ialah kepercayaan berasaskan ilmu daripada sumber-sumber Islam seperti al-Quran dan sunah serta diyakini dengan sepenuh hati tanpa sebarang keraguan. Kepercayaan dan keyakinan ini seterusnya perlu dizahirkan melalui amalan-amalan yang diperintahkan dalam Islam (Stapa, 1999).

Syariat pula bermaksud ketetapan agama yang ditentukan oleh Allah SWT merangkumi segala suruhan-Nya seperti puasa, solat, haji, zakat dan amalan kebaikan (Ibn Manzur, 1955). Manakala akhlak pula ialah sikap, tabiat dan watak yang berada di dalam hati seseorang, seterusnya melahirkan perbuatan tertentu secara langsung dengan serta-merta tanpa perlu berfikir. Jika yang lahir itu merupakan perbuatan baik menurut akal dan syarak, maka perbuatan tersebut dinamakan sebagai akhlak baik dan mulia. Manakala jika yang lahir itu merupakan perbuatan yang tidak baik, maka perbuatan tersebut dinamakan sebagai akhlak buruk dan keji (al-Ghazali, 1975).

Kepatuhan kepada akidah, syariat dan akhlak Islam merupakan perkara yang dituntut dan berbentuk makruf. Manakala keingkaran daripada ketiga-tiga perkara tersebut pula ialah perkara yang dilarang dan berbentuk mungkar. Ini bermaksud kemungkaran juga dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kemungkaran akidah, syariat dan akhlak. Namun begitu, kemungkaran yang paling membimbangkan ialah kemungkaran akidah, walaupun tidak dapat dilihat dengan mata kasar sebagaimana kemungkaran syariat dan akhlak. Ini kerana akidah merupakan tunjang dalam beragama. Keruntuhan pada pegangan akidah akan mengakibatkan keruntuhan pada perkara lain seperti syariat dan akhlak.

Umat Islam di Malaysia berpegang teguh kepada ajaran yang dibawa oleh aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) (Stapa, 2015). Berdasarkan kenyataan ini, badan berautoriti atau institusi *hisbah* di Malaysia bertindak mengeluarkan hukum dan fatwa mengikut ajaran ASWJ bagi menangani isu dan permasalahan tertentu, termasuk juga kemungkaran akidah dalam kalangan masyarakat (Badhrulhisham, 2015).

Antara bentuk kemungkaran akidah yang sering menjadi perhatian pihak berkuasa ialah ajaran sesat, pemikiran menyeleweng dan murtad. Ajaran sesat bermaksud segala ajaran yang diasaskan sama ada oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa itu merupakan ajaran Islam, namun ajaran tersebut bercanggah dengan al-Quran, sunah, akidah Islam dan juga aliran ASWJ (Engku Alwi, 2010). Contoh bagi ajaran sesat yang diharamkan di Malaysia ialah ajaran Bahai, ajaran Hassan Anak Rimau, ajaran Ayah Pin dan pelbagai lagi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.). Ajaran sesat seperti ini mampu menggugat kesucian agama Islam serta mengancam kesejahteraan umat Islam dalam beragama.

Pemikiran menyeleweng juga membawa makna yang hampir sama seperti ajaran sesat. Dalam erti kata yang lain, pemikiran menyeleweng ini bermaksud pemikiran yang bercanggah dengan aliran ASWJ. ASWJ membawa pendekatan yang berbentuk sederhana, tidak melampau dan juga tidak terlalu terbuka. Pendekatan ini dinamakan sebagai pendekatan *wasatiyyah* (Wahab, 2015). Oleh itu, aliran pemikiran yang membawa pendekatan yang melampau atau terlalu terbuka dinamakan sebagai pemikiran menyeleweng. Contoh pemikiran menyeleweng yang berlaku di Malaysia ialah Daesh dan liberalisme (Yaacob et al., 2019; A. Haris, 2018). Penyelewengan pemikiran sebegini turut dinyatakan sebagai kemungkaran akidah kerana akidah dibentuk dengan cara berfikir tentang Islam. Sekiranya pemikiran benar sebagaimana yang dibawakan dalam Islam, maka benarlah pegangan akidah seseorang itu, begitu juga jika sebaliknya yang berlaku.

Bentuk kemungkaran akidah seperti murtad turut membimbangkan umat Islam di Malaysia. Murtad ialah membuat keputusan untuk keluar daripada agama Islam serta memeluk agama atau ajaran lain, sama ada dengan niat, perkataan atau perbuatan (Ibrahim et. al, 2016). Murtad kini tidak dilakukan secara rahsia atau diam sahaja, malah sudah ada yang membuat pengakuan secara terbuka. Misalnya Malaysia pernah digemparkan dengan satu video tular pengakuan seorang lelaki India memurtadkan seorang wanita Islam pada Februari 2021 (Yahaya, 2021; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.). Pengakuan yang dilakukan secara terbuka sebegini seolah-olah ingin mencabar kedudukan agama Islam di Malaysia.

Jelaslah di sini bahawa kemungkaran akidah yang pelbagai seperti ajaran sesat, pemikiran menyeleweng dan murtad boleh mendatangkan mudarat kepada umat Islam serta mencemarkan imej agama Islam. Oleh itu, kemungkaran akidah sebegini perlu ditangani dan dibendung agar tidak terus menular dalam kalangan masyarakat. Negara Malaysia yang dikenali sebagai negara Islam dan berpegang teguh kepada ajaran ASWJ semestinya memiliki institusi *hisbah* bagi menangani kemungkaran ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Pengumpulan data kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah dokumentasi. Dokumen yang digunakan dalam proses pengumpulan data ialah dokumen berbentuk bahan-bahan bercetak dan juga digital. Contoh bahan bercetak yang digunakan ialah *Ihya' 'Ulum al-Din, Al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haqq 'Azza wa Jall* dan *Akhlaq al-Muslim: 'Alaqtuh bi al-Khaliq*. Manakala contoh bahan digital yang digunakan pula ialah data daripada laman web rasmi institusi kerajaan Malaysia seperti laman web Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Bank Negara Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Data daripada dokumen-dokumen ini diklasifikasikan kepada tiga tema, iaitu amar makruf nahi mungkar (AMNM) di Malaysia, jenis kemungkaran dan kemungkaran akidah di Malaysia. Objektif pertama kajian, iaitu menghuraikan kemungkaran akidah di Malaysia tercapai melalui proses klasifikasi data mengikut tema ini. Seterusnya data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis data ini menghasilkan dapatan yang selari dengan objektif kajian yang kedua, iaitu menjelaskan peranan institusi *hisbah* dalam menangani kemungkaran akidah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kemungkaran akidah seharusnya ditangani oleh pihak berkuasa atau institusi *hisbah* yang khusus. Ini kerana kemungkaran jenis ini perlu dilakukan kajian, diberi penerangan mengenainya, dikeluarkan fatwa mengenainya, ditapis maklumatnya untuk masyarakat serta dilakukan pemantauan. Institusi *hisbah* yang sentiasa melakukan kajian mengenai isu-isu akidah sama ada berbentuk terdahulu mahupun terkini ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). JAKIM mempunyai bahagian yang khusus untuk kajian akidah yang dinamakan sebagai Cawangan Akidah, Bahagian Kajian JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.). Usaha yang dilakukan oleh JAKIM ini menunjukkan bahawa jabatan ini komited dalam meneliti perkembangan ilmu akidah, termasuk juga isu kemungkaran akidah.

Selain itu, JAKIM turut memberi penerangan kepada masyarakat serta memulihkan kembali pelaku kemungkaran akidah. Ini kerana JAKIM mempunyai Bahagian Penyiaran JAKIM atau Bahagian Media Elektronik dan Penyiaran (MEP) bagi memberikan informasi mengenai agama Islam kepada masyarakat. Contoh rancangan yang diterbitkan oleh JAKIM dan disiarkan di televisyen ialah Forum Perdana Ehwal Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.). JAKIM juga mempunyai Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) bagi memulihkan kembali akidah individu atau kumpulan yang terpengaruh dengan ajaran sesat (Mustapha et al., 2019). Melalui usaha JAKIM ini dapat dilihat bahawa institusi *hisbah* tidak hanya memberikan hukuman, malah turut memberikan penerangan kepada masyarakat serta pemulihan bagi individu yang memerlukan.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jabatan Mufti Negeri (JMN) pula berperanan dalam mengeluarkan fatwa mengenai kemungkaran akidah. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berfungsi untuk memutuskan dan mengeluarkan fatwa berkaitan dengan agama Islam yang menjadi rujukan Majlis Raja-raja, termasuk juga fatwa-fatwa mengenai kemungkaran akidah (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.). JMN pula mengeluarkan fatwa bagi negerinya sendiri. Misalnya Jabatan Mufti Negeri Perak yang mengeluarkan fatwa pengharaman ajaran Ayah Pin bagi penduduk negeri Perak (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.t.).

Fatwa ini diwartakan sebagai warta kerajaan negeri Perak pada 30 Januari 2007. Ajaran Ayah Pin ini dinyatakan sebagai ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar, sesat dan juga syirik dari sudut akidah dan syariat. Maka umat Islam dilarang mengamalkan ajaran ini, menjadi sebahagian daripadanya, menyebarkannya atau memiliki bahan yang berkaitan dengannya (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.t.). Pengeluaran fatwa yang jelas sebegini dapat mendorong umat Islam di Malaysia berpegang teguh kepada ajaran ASWJ serta menjauhi ajaran yang dilarang atau diharamkan.

Manakala institusi *hisbah* yang bertindak menapis maklumat untuk masyarakat pula ialah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Salah satu fungsi kementerian ini ialah menapis penerbitan bahan-bahan bercetak dan elektronik, termasuk juga teks al-Quran dan bahan-bahan keagamaan. Contoh bahan yang ditapis dan dilarang pemilikan bahan tersebut oleh KDN ialah buku bertajuk ‘Perempuan Nan Bercinta’, karangan Faisal Tehrani. Ini kerana buku ini mengandungi unsur-unsur ajaran Syiah serta mempertikaikan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah* (ASWJ) (Kementerian Dalam Negeri, t.t.).

Tindakan pihak KDN ini bertepatan dengan peruntukan undang-undang dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, iaitu pada perkara 7(1). Perkara ini membolehkan institusi *hisbah* yang berkaitan seperti pihak KDN mengambil tindakan terhadap hasil penerbitan yang tidak diingini. Hasil penerbitan yang tidak diingini ini bermaksud segala bentuk penerbitan yang berupaya mendatangkan kemudaratan kepada orang ramai dari sudut ketenteraman, keselamatan, moral dan juga pemikiran. Penerbitan yang bercanggah dengan undang-undang juga termasuk dalam kategori ini (Kementerian Dalam Negeri, t.t.). Maka, dapat disimpulkan bahawa KDN bertindak menapis bahan penerbitan untuk orang ramai, terutamanya untuk umat Islam agar tidak terpengaruh dengan perkara yang boleh menggoyahkan pegangan terhadap ajaran ASWJ.

Terdapat juga institusi *hisbah* yang bertanggungjawab dalam memantau kemungkaran akidah, iaitu Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Selain daripada menguatkuasakan undang-undang hal ehwal Islam sedia ada, JAIN turut bertindak sebagai pemantau gerakan kemungkaran akidah atau pelaku kemungkaran tersebut. Misalnya tindakan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) yang bertindak memantau aktiviti kumpulan Hizbut Tahrir Malaysia (HTM) dan pengasas ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) (Md Zain, 2020; Yakkub, 2021). Tindakan sebegini membolehkan JAIN mengesan sebarang aktiviti yang bercanggah dengan ajaran ASWJ serta mencegahnya daripada terus berlarutan.

Berdasarkan tindakan dan usaha institusi *hisbah* sebagaimana yang dijelaskan ini, dapat disimpulkan bahawa negara Malaysia berusaha dengan baik dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar (AMNM) bagi mengatasi kemungkaran akidah. Natijahnya, kemungkaran akidah di Malaysia dapat dikawal, akidah ASWJ dapat bertapak dengan kukuh di Malaysia dan kesejahteraan umat Islam pula lebih terjamin dengan akidah ASWJ.

PENUTUP

Malaysia yang menjadikan ajaran Islam sebagai ikutan telah menubuhkan institusi-institusi *hisbah* yang berfungsi sebagai pelaksana amar makruf nahi mungkar (AMNM). Penubuhan insituti ini dilakukan dengan mengambil kira isu dan permasalahan semasa masyarakat. Antara masalah yang semestinya menjadi keutamaan negara Islam seperti Malaysia ialah masalah keagamaan seperti kemungkaran akidah, syariat dan akhlak. Namun begitu, kemungkaran akidah seperti ajaran sesat, pemikiran menyeleweng dan murtad dilihat sebagai bentuk kemungkaran yang sangat berbahaya bagi umat Islam. Hal ini kerana akidah merupakan asas agama. Akidah yang goyah akan menyebabkan perkara lain seperti syariat dan akhlak itu lari daripada paksi Islam.

Oleh itu, institusi *hisbah* bagi aspek keagamaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Jabatan Mufti Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri berusaha secara berterusan dalam menangani kemungkaran akidah. Selain daripada menjatuhkan hukuman, institusi *hisbah* turut mengambil tindakan yang wajar seperti menjalankan kajian, memberi penerangan mengenai kemungkaran akidah kepada masyarakat, memulihkan kembali akidah individu yang terlibat dalam kemungkaran akidah, mengeluarkan fatwa akidah, menapis maklumat untuk masyarakat serta melakukan pemantauan. Tindakan sebegini menjadikan kemungkaran akidah yang berlaku di Malaysia dapat dikawal dengan baik serta umat Islam di Malaysia dapat memahami akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dengan baik. Justeru itu, dapat dilihat bahawa institusi *hisbah* berperanan penting dalam menggerakkan negara yang berlandaskan kepada ajaran Islam. Kejayaan dan kegagalan dalam pelaksanaan AMNM melalui institusi *hisbah* ini akan memberi natijah kepada kejayaan dan kegagalan dalam pembinaan sebuah negara Islam.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian menggunakan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - FRGS/1/2019/SS06/UNISZA/02/03 (RR316). Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana memberi dana dan menyokong penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

- A. Haris, K. M. (2018). Islam dan Liberalisme: Antara Masalah dan Mafsadah. *AFKAR: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 20(2), 1-52.
- Abu Bakar, M. S., Wan Zakaria, W. F. W. A. & Salleh, K. (2017). Pelaksanaan Hisbah di Malaysia Pada Masa Kini: Perkembangan dan Halangan. *Jurnal al-Hikmah*, 9(2), 167-185.
- Azhar, A. & Badarulzaman, M. H. (2018). Pendekatan Amar Makruf dan Nahi Mungkar dalam Kerangka Hisbah: Amalan Penguat Kuasa Jenayah Syariah di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 57-69.
- Badhrulhisham, A. (2015). Ahli Sunnah wal Jamaah dan Pemakaiannya di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Prosiding Simposium Aqidah dan Tasawuf 2015*. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2010). Ajaran Sesat di Malaysia. *Jurnal Peradaban*, 3(1), 1-16.
- Al-Ghazali, Al-Imam Abi Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1975). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram. (1955). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibrahim, A. (2014). *Amalan Hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, A. (2015). Kepentingan Hisbah dan Amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 11, 26-39.
- Ibrahim, S. Z., Tajul Urus, N. S. & Mohamed, M. F. (2016). Pertukaran Agama dan Kesannya Terhadap Komuniti: Satu Sorotan Terhadap Kes-kes Murtad dan Masuk Islam di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(4), 204-213.
- Al-Jaylani, 'Abd al-Qadir. (1996). *Al-Ghunya li Talibi Tariq al-Haqq 'Azza wa Jall*. Bayrut: Dar Ihya'al-Turath al-'Arabi.
- Laman Web Rasmi Bank Negara Malaysia. (t.t.). Diakses daripada bnm.gov.my pada 25 Mei 2022.
- Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor. (t.t.). Diakses daripada jais.gov.my pada 26 Mei 2022.
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. (t.t.). Diakses daripada mufti.perak.gov.my pada 13 Oktober 2021.
- Laman Web Rasmi Kementerian Dalam Negeri. (t.t.). Diakses daripada moha.gov.my pada 13 Oktober 2021.
- Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. (t.t.). Diakses daripada maidam.gov.my pada 26 Mei 2022.
- Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam Negeri Johor. (t.t.). Diakses daripada majj.gov.my pada 26 Mei 2022.

- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. (2013). *Perlembagaan Persekutuan (hingga 1hb Februari 2013)*. Selangor: International Law Book Services.
- Md Zain, R. (2020). Sabtu 3 Oktober. 'Polis Selangor dan JAIS Sentiasa Pantau Hizbut Tahrir'. Harian Metro.
- Mustapha, N. A., Md Sham, F. & Mokhtar, A. I. (2019). Program Dakwah di Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) dalam Memantapkan Akidah Remaja. *Jurnal al-Hikmah*, 11(2), 3-19.
- Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. (t.t.). Diakses daripada jheains.ns.gov.my pada 26 Mei 2022.
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (t.t.). Diakses daripada islam.gov.my pada 13 Oktober 2021.
- Portal Rasmi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (t.t.). Diakses daripada planmalaysia.gov.my pada 25 Mei 2022.
- Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia. (t.t.). Diakses daripada rmp.gov.my pada 22 Mei 2022.
- Stapa, Z. (1999). *Akidah & Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd..
- Stapa, Z. (2015). Keutuhan Ahli Sunnah wal-Jamaah (ASWJ) di Malaysia dalam Memartabatkan Agama Islam. *Prosiding Seminar Akidah & Pemikiran Islam 2015 Peringkat Kebangsaan*, 9-79. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Sulong, J. (2016). Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang dan Fatwa di Pulau Pinang. *AFKAR: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 18, 1-34.
- Yaacob, C. M. A., Abdullah, K. & Fauzee, M. S. O. (2019). Pengaruh Kefahaman dan Penerimaan Rakyat Malaysia Terhadap Perjuangan Ideologi Daesh. *Kajian Malaysia*, 37(2), 121-145.
- Yahaya, A. (2021). Sabtu 20 Februari. 'Video Murtad: Biar Polis Jalankan Siasatan, Kata JAKIM'. Sinar Harian.
- Yakkub, M. Y. (2021). Isnin 27 September. 'JAIS akan pantau Masitah'. Kosmo!.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2002). *Akhlaq al-Muslim: 'Alaqtuh bi al-Khaliq*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.